

INTERVENSI KAUNSELING DALAM PERKEMBANGAN PSIKOLOGI REMAJA

Norhayati Binti Ahmad¹
Nur Ilham Aman Enterprise
Emel : hayyun66@gmail.com

Nor Hernamawarni Abdul Majid² & Mohd Suhadi Bin Mohamed Sidik³
Pusat Pengajian dan Perkhidmatan Kaunseling & Psikologi
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

Abstrak

Psikologi remaja berupaya memahami remaja dan membantu mereka membuat peralihan dari kanak-kanak kepada orang dewasa. Pembangunan dan perubahan psikologi melibatkan lima perkara utama seperti perkara moral, sosial, fizikal, kognitif, dan emosi. Dalam praktik kaunseling seorang kaunselor harus mengetahui latarbelakang remaja dan bersedia untuk menjalankan sesi kaunseling dengan jujur dan bertanggungjawab. Seorang kaunselor harus memahami mengenai karakter remaja dalam memberi pendapat. Keperluan fisiologi dan keperluan keselamatan merupakan keperluan asas dalam apa jua teori dan jika kedua-duanya tidak dipenuhi dengan sederhana maka seorang kaunselor harus mencari alternatif lain untuk menyelesaikan sesuatu kesulitan yang wujud. Konsep intervensi kaunseling yang menggabungkan teori Spritual Al-Ghazali yang menekankan elemen kerohanian dan agama, teori Keperluan Abraham Maslow dan teori REBT yang digabungkan dengan tazkiyatun-nafs dilihat sebagai perkhidmatan kaunseling yang dapat membantu klien menangani masalah yang berkaitan dengan psikologi dan juga isu-isu yang berkaitan dengan kehidupan remaja. Oleh itu, dengan memahami perkembangan psikologi remaja dapat membantu remaja mencari keperibadian, mengetahui persekitaran dan merancang masa depan yang lebih baik.

Kata Kunci: Psikologi Remaja, Intervensi Kaunseling.

Abstract

Adolescent psychology is able to understand adolescents' development from childhood to adulthood. Psychological development and change involve five main things such as moral, social, physical, cognitive, and emotional matters. In the practice of counselling, a counselor should know the background of adolescents and be prepared to conduct all counseling honestly and responsibly. A counselor should understand about the character of adolescents in giving opinions. Physiological needs and safety needs are basic needs in any theory and if both are not met moderately then a counselor should look for other alternatives to resolve an existing difficulty. The concept of counseling intervention that combines Al-Ghazali's Spiritual theory emphasizing spiritual and religious elements, Abraham Maslow's Needs theory and REBT theory combined with tazkiyatun-nafs is seen as a counseling service that can help clients deal with psychological problems as well as life-related issues. teenagers. Thus, understanding the psychological development of adolescents can help adolescents find personality, know the environment and plan for a better future.

Keywords: Psychology Adolescents, Counselling Intervention.

PENGENALAN

Remaja adalah sebahagian dari anggota masyarakat yang dilihat berada diposisi tengah kehidupan iaitu meninggalkan masa kanak-kanak kemudian seiring dengan masa bakal menempuh alam remaja dan selepas menghadapi masa dewasa pula. Remaja pada asasnya berbeza daripada kanak-kanak dan orang dewasa dan adalah penting untuk memahaminya dengan lebih baik bagi menyokong perkembangan mereka nanti . Pada tempoh masa ini, remaja mengalami storm and stress. Zaman remaja ini adalah fasa di mana mereka ingin mencuba sesuatu yang baru, inginkan kebebasan dan perhatian dalam setiap perkara yang wujud dalam diri mereka. (Noor Izzati, Mohd Zawawi & Fariza Md Sham, 2020).

Psikologi remaja berupaya memahami remaja dan membantu mereka membuat peralihan dari kanak-kanak kepada orang dewasa. Akademi Pediatrik Amerika (The American Academy of Pediatrics) menjelaskan bahawa remaja adalah musim pembangunan dan perubahan dalam lima perkara utama seperti perkara moral, sosial, fizikal, kognitif, dan emosi. Dengan memahami perkembangan psikologi remaja dapat membantu remaja mencari keperibadian, mengetahui persekitaran dan merancang masa depan yang lebih baik. Psikologi tidak mengkaji jiwa atau mental secara langsung kerana psikologi adalah abstrak, tetapi had psikologi kepada manifestasi dan ungkapan jiwa atau mental iaitu dalam bentuk tingkah laku dan proses atau aktiviti, supaya psikologi boleh ditakrifkan sebagai sains yang mengkaji tingkah laku dan proses mental (Amita Diananda, 2018).

Psikologi Remaja

Psikologi remaja adalah suatu fasa perkembangan yang dialami seseorang ketika memasuki usia 12-22 tahun. Pada fasa perkembangan psikologi remaja, anak harus mampu meninggalkan sifat keanak-anakannya. Rentang waktu usia remaja ini biasanya dibezakan atas tiga masa iaitu 12 – 15 tahun adalah masa remaja awal, 15 – 18 tahun adalah masa remaja pertengahan, dan 18 – 21 tahun adalah masa remaja akhir.

Fasa-fasa dalam perkembangan psikologi dalam kehidupan individu tersebut adalah a) Dari lahir sampai masa “trotz” (kegoncangan) pertama: kanak-kanak awal. b) Trotz pertama sampai trotz kedua: masa keserasian bersekolah. c) Trotz kedua sampai akhir remaja yang disebut sebagai masa kematangan. Sementara remaja yang dimaksudkan adalah remaja yang berada bawah tanggung jawab ibu bapa dimana tingkah laku yang melanggar hukum tidak disebut sebagai jenayah hanya disebut sebagai kenakalan.

Berkaitan dengan perkembangan fisik remaja, perkembangan terpenting adalah aspek seksualitas menjadi dua bagian iaitu ciri-ciri primer dan ciri- ciri sekunder. Ciri-ciri seks primer boleh dilihat pada perkembangan psikologi remaja pria mengalami pertumbuhan pesat pada organ testis, pembuluh yang memproduksi sperma dan kelenjar prostat. Kematangan organ-organ seksualitas ini memungkinkan remaja pria, sekitar usia 14 – 15 tahun, mengalami “mimpi basah”, iaitu seperti keluar sperma. Pada remaja wanita, terjadi pertumbuhan cepat pada organ rahim dan ovarium yang memproduksi ovum (sel telur) dan hormon untuk kehamilan. Akibatnya terjadilah siklus “menarche” (menstruasi pertama). Siklus awal menstruasi sering diiringi dengan sakit kepala, sakit pinggang, kelelahan, depresi, dan mudah tersinggung (Istiqomah, 2016).

Pada ciri-ciri seks sekunder boleh dilihat perkembangan psikologi remaja pada seksualitas sekunder adalah pertumbuhan yang melengkapinya kematangan individu sehingga

tampak sebagai lelaki atau perempuan. Remaja lelaki mengalami pertumbuhan bulu-bulu pada kumis, jambang, janggut, tangan, kaki, ketiak, dan kelaminnya. Pada remaja lelaki telah tumbuh halkun dan suara remaja lelaki berubah menjadi parau dan rendah. Kulit berubah menjadi kasar. Pada remaja perempuan juga mengalami pertumbuhan bulu-bulu secara lebih terbatas, yakni pada ketiak dan kelamin. Pertumbuhan juga terjadi pada kelenjar yang bakal memproduksi air susu di buah dada, serta pertumbuhan pada pinggul sehingga menjadi wanita dewasa secara proporsional.

Sementara pada perkembangan kognitif psikologi remaja pula didapati pertumbuhan otak mencapai kesempurnaan pada usia 12–20 tahun secara fungsional. Secara intelektual remaja mulai dapat berfikir logis tentang gagasan abstrak dan mampu membuat rencana, strategi, membuat keputusan-keputusan, serta memecahkan masalah, membezakan yang konkrit dengan yang abstrak.

Dari sudut perkembangan emosi psikologi remaja, remaja mengalami puncak emosionalitasnya, perkembangan emosi tingkat tinggi. Perkembangan emosi remaja awal menunjukkan sifat sensitif, reaktif yang kuat, emosinya bersifat negatif dan temperamental (mudah tersinggung, marah, sedih, dan murung). Sedangkan remaja akhir sudah mulai mampu mengendalikannya (Ahmad Azam Mohd Shariff, 2021). Melihat kepada perkembangan moral psikologi remaja, remaja sudah mampu berperilaku yang tidak hanya mengejar kepuasan fisik, tetapi meningkat pada tatanan psikologis (rasa diterima, dihargai, dan penilaian positif dari orang lain). Sementara dari segi perkembangan sosial psikologi remaja, remaja telah mengalami perkembangan kemampuan untuk memahami orang lain (social cognition) dan menjalin persahabatan .

Permasalahan Remaja

Perkembangan psikologi ini juga tidak dapat tidak mempengaruhi kehidupan sosial remaja yang membawa kepada perkara positif dan juga kepada perkara negatif. Dalam hal perkara negatif, remaja tidak dapat dipisahkan dengan masalah sosial seperti budaya lepak, curi, dadah, bohsia dan perlakuan yang bertentangan nilai-nilai murni serta sebagainya lagi. Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak namun gejala keruntuhan akhlak dan moral dalam kalangan remaja masih berleluasa. Ini jelas berdasarkan data bilangan kes salah laku pelajar seperti yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) (Ahmad Azam 2021).

Dalam Berita Harian online 2019 menyatakan sebanyak 10,154 kes disiplin bagi pelbagai kesalahan membabitkan pelajar di negeri ini, direkodkan sepanjang tahun 2018. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS), Datuk Pkharuddin Ghazali, berkata daripada jumlah itu, kesalahan ponteng sekolah mencatat bilangan tertinggi, iaitu 7,709 kes, manakala baki adalah kes disiplin lain seperti tingkah laku kurang sopan, kekemasan diri dan vandalisme. Beliau berkata, statistik itu menunjukkan usaha menangani masalah disiplin dalam kalangan pelajar perlu digembleng secara bersepadu oleh semua pihak terbabit, secara langsung mahupun tidak langsung. Namun, katanya, bagi membudayakan lebih banyak nilai murni dan mengurangkan masalah disiplin, JPNS menggalakkan perekodan amalan baik pelajar ke dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM).

Beberapa kajian lepas telah membuktikan terdapat beberapa faktor yang boleh dikaitkan dengan permasalahan yang berlaku pada remaja diantaranya ialah faktor diri sendiri paling mempengaruhi remaja untuk terlibat dalam masalah sosial berbanding pengaruh rakan

sebaya dan pemasalahan persekitaran sekolah (Zainudin Sharif, Norazmah Mohamad Roslan, 2011) dan dalam kajian ini, tidak mendapati faktor keluarga menyumbang kepada permasalahan sosial di kalangan remaja.

Terdapat juga kajian lepas akibat dari kegagalan pemantauan ibubapa yang menyebabkan remaja terlipat dengan tingkah laku devian yang menyebabkan terjerumus dengan kesalahan undang-undang. Begitu juga, pergerakan aktiviti harian anak tidak diawasi dan ibubapa tidak mengenali rakan anak dan terlalu memberi kebebasan kepada anak antara sebab remaja bebas terlibat dalam tingkah laku devian. Seterusnya, faktor komunikasi ibu bapa dan anak yang kurang baik turut menyumbang kepada tingkah laku devian remaja yang menyebabkan remaja berasa selesa berkongsi masalah dengan rakan-rakan dan melepas tekanan dengan melibatkan diri dalam gejala sosial. Malah remaja yang terlibat dalam masalah ini juga kurang pengetahuan dan pengamalan agama (Syazwana Aziz Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni, 2019).

Jelas kepada kita, suasana yang tidak sepatutnya berlaku kepada remaja, hari ini telah menjadi bahan kerunsingan kepada ibu bapa, guru, masyarakat dan kerajaan. Kegagalan dalam menghayati agama dan kurang penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan remaja menyebabkan perilaku remaja semakin tidak terbandung dan mengarah kepada perbuatan mungkar dan negatif di mata masyarakat. (Mohamad Khairi Othman, Asmawati Suhid & Samsilah Roslan, 2015). Masalah keruntuhan akhlak dan nilai juga dilihat berpunca daripada minda manusia yang terlupa akan tujuan sebenar mereka dihidupkan di dunia ini dan keadaan ini juga kerana kekurangan ilmu dan kesedaran di kalangan remaja .

Malangnya suasana hidup hari ini dihadapakan dengan kes-kes juvana yang melibatkan remaja. Antara jenayah yang dilaporkan ialah buli, penyalahgunaan dadah, gangsterisme, cubaan membunuh, membunuh dan sebagainya. Tindakan remaja ini telah mengundang pelbagai persoalan, dan mencari jalan penyelesaian untuk menghadapi remaja yang bermasalah kecelaruan mental dan gagal mengawal emosi dan akhirnya terjebak dalam kes juvana. Kecelaruan mental juga disebut sebagai penyakit mental, tidak teratur minda dan emosinya, ketidakupayaan mengawal gangguan pemikiran, perasaan, tingkah laku, interaksi peribadi sehingga menyebabkan tekanan (merriam-webster dictionary, 2017). Secara klinikal kecelaruan mental merupakan gangguan mental yang mempunyai hubungan signifikan dengan tingkah laku atau psikologi individu yang mana individu tersebut tidak berupaya mengawal mentalnya yang boleh menimbulkan pelbagai risiko seperti sakit, cacat dan maut (Maisel, 2013). Pelbagai masalah berpunca dari gangguan mental dengan gejala yang berbeza. Umumnya dicirikan oleh gabungan beberapa pemikiran, emosi, tingkah laku dan hubungan yang tidak normal dengan orang lain (World Health Organization, 2016) (Hamimah, 2019). Oleh itu, menyedari akan faktor-faktor yang menyebabkan permasalahan ini boleh membantu remaja menangani gejala yang tidak diinginkan ini.

Justeru itu, penghayatan agama dan nilai murni dalam kalangan remaja atau pelajar semakin penting dewasa ini bagi menjelaskan status tahap penghayatan agama dan penghayatan nilai murni pada masa kini secara empirikal dilakukan. Justeru itu intervensi kaunseling sangat perlu dalam menangani permasalahan ini dengan mengambil langkah yang lebih bijaksana agar dapat membantu para remaja untuk memilih kehidupan yang sesuai dengan tuntutan agama, bangsa dan Negara (Fakrul Adabi Abdul Kadir, 2013).

Pendekatan teori dalam kaunseling

Penggunaan pendekatan atau teori di dalam proses kaunseling adalah amat penting kepada kaunselor dalam memastikan proses kaunseling berkesan. Penggunaan teori dapat membantu kaunselor mengenalpasti nilai kefungsiian dan intervensi yang diperlukan, serta melaporkan apa yang berlaku (Bitter & Byrd, 2016). Selain itu, teori kaunseling juga penting dalam memperlihatkan rasionalnya sesuatu tindakan atau perlakuan seseorang individu. Hal ini membuktikan peranan teori yang sangat besar dalam membantu para pengamal ilmu jiwa membimbing manusia untuk berubah kepada aura positif. Seorang kaunselor perlu berpegang pada satu-satu teori yang selesa baginya dan dirasakan sesuai untuk dijadikan panduan dan rujukan dalam proses menolong yang dialami olehnya (Hidayah, 2012).

Oleh itu, meninjau kepada teori Iman Al-Ghazali, beliau menggambarkan manusia dalam perihal jiwa manusia yang terdiri dari qalbu, ruh, nafsu dan akal. Keempat unsur ini disebut latifah atau al-roh al-rabbaniyyah, yang merupakan hakikat manusia yang mempunyai kekuatan untuk memahami, mengetahui dan pada masa yang sama menjadi objek tanggungjawab atas tindakannya. Jika seseorang manusia berfikiran jernih dan berakhlak mulia maka keadaan ini menunjukkan seseorang itu mempunyai jiwa yang baik..

Jiwa baik yang dimaksudkan oleh al-Ghazali tidak tertahan kepada fikiran yang baik dan berakhlak mulia sahaja tetapi seseorang itu perlu menyembah Allah SWT dan percaya hanya Allah SWT yang berkuasa menghidup dan mematikan kehidupan di dunia ini. Tidak cukup sekadar itu jiwa yang baik dan fikiran yang jernih itu perlu menjadikan Rasulullah SAW sebagai 'figure' yang perlu ditauladani, Firman Allah SWT "*Dan Aku tidak menciptkan jin dan manusia kecuali untuk menyembah kepada-Ku.*" (QS. adz-Dzariyat: 56) dan firman Allah SWT "*Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan Dia banyak menyebut Allah.*" (QS Al-Ahzab:21) .Rasulullah SAW adalah suri tauladan yang perlu dicontohi (Nazarudin, 2017).

Demikian, al-Ghazali dalam hidupnya telah memperkenalkan '*Tazkiyatun-Nafs*' dengan menyatakan dalam *Tazkiyatun An-Nafs* akhlak mendasarkan dari fikiran dan hati yang mendalam untuk membantu membentuk emosi positif dan melepaskan emosi negatif yang disebut sebagai nafsu *lawammah* dan *amarrah*. Sesungguhnya remaja perlu mempunyai fikiran yang baik dan akhlak yang mulia kerana usia remaja yang bergolak itu perlu di arahkan kepada realiti kehidupan dan bagaimana mereka harus menghadapi dan menanganinya. Dewasa ini, membuktikan kejayaan akademik semata-mata tidak menjamin keharmonian pada kehidupan remaja melainkan perlu kepada intervensi yang menghala kepada keagamaan (Alfaiz Hengki Yandri2, 2019) .

Namun begitu, tidak dinafikan keperluan bagi manusia seperti yang dinyatakan oleh Maslow melalui Teori hierarki keperluan Maslow yang mengandungi lima peringkat keperluan manusia iaitu; pertama, keperluan asas; kedua, keperluan keselamatan dan jaminan diri; ketiga, keperluan untuk berkasih sayang; keempat, keperluan untuk penghormatan diri; dan yang terakhir ialah keperluan untuk pencapaian diri. Menurut Maslow (1943), tingkat memenuhi keperluan diri ini adalah mengikut susunan secara berhierarki. Untuk memenuhi satu hierarki keperluan di atas, seseorang perlu memenuhi hierarki keperluan yang terdahulu. Ini bermakna, seseorang itu tidak mungkin dapat memenuhi keperluan di tingkat atas terlebih dahulu tanpa memenuhi tingkat keperluan di bawah. Dalam hal ini, Islam tidak menafikan keperluan yang

telah dinyatakan oleh Maslow, hanya sudut pandang Islam dalam susunan keperluan berbeza dengan hierarki yang telah dinyatakan oleh Maslow.

Walaupun terdapat perbezaan yang sangat ketara dari segi konsep motivasi Maslow dan Islam namun teori Maslow ini tidak bercanggah dengan keperluan yang dinyatakan dalam Islam. Maslow meletakkan asas memenuhi keperluan diri dibuat secara berperingkat dan tidak melibatkan soal pembangunan aspek spiritual, manakala Islam pula meletakkan asas memenuhi keperluan diri perlu selari dengan memenuhi keperluan rohani sebagai jalan ke akhirat, iaitu disertai dengan pembangunan spiritual dan ianya tidak mempunyai peringkat-peringkat tertentu (Abas 2009) sebaliknya, ia lebih kompleks kerana melibatkan soal kerohanian (Ridzuan Masri Arman Ahmad, (2018)).

Demikian pentingnya peranan kaunselor atau guru pembimbing dalam membantu klien merancang matlamat kehidupan yang baharu dengan menggunakan beberapa pendekatan, Diantaranya, kaunseling kelompok dengan menggunakan Modul Kelompok Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) untuk merasionalisasikan pemikiran disamping dapat meningkatkan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi remaja ataupun pelajar (Mohd Zaharen 2019). Dalam hal ini, tingkah laku pelajar digambarkan sebagai karakter atau personaliti nilai diri luaran dan dalaman. Sementara menurut Lubis (2016), karakter merupakan tingkah laku baik atau buruk berdasarkan nilai. Manakala Nur Raina Novianti (2011) menyatakan karakteristik pelajar dikaitkan dengan cara perancangan pengajian yang disusun untuk mencapai matlamat dalam pembelajaran.

Modul Kelompok Bimbingan Integrasi yang menggunakan kaedah REBT *Tazkiyah An-Nafs* melalui perlaksanaan adalah bertujuan untuk meningkatkan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi peserta dalam pencapaian akademik, penilaian sendiri, membantu diri, membimbing rakan ahli kelompok dalam pemikiran rasional dan tingkah laku yang lebih positif bagi membangunkan potensi diri. Disamping itu, melalui Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT *Tazkiyah An-Nafs* remaja dapat mengerat ukhwah persaudaraan serta menyuburkan lagi sifat tolong-menolong. Program ini juga dapat memberi pendedahan dan pengajaran peserta untuk mendalami (emosi, pemikiran dan tingkah laku) serta penyucian jiwa. Malah peserta diajar tentang cara merasionalkan pemikiran disamping membersihkan hati supaya mendapat celik akal seterusnya memberikan kebahagiaan di dunia dan akhirat (Mohd Zaharen bin Md Zahir K.B, 2019).

Terdapat kajian di mana kes buli di Malaysia dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah ditinjau dari perspektif prinsip asas Syariah untuk mengenal pasti kepincangan akhlak dan taqwa dalam diri pembuli boleh membawa kepada perlakuan membuli. Seterusnya, penyelesaian perundangan terhadap permasalahan buli oleh remaja dengan mencadangkan pembentukan 'standard operating procedure' atau SOP serta modul khusus di mana sebarang pembentukan SOP dan modul untuk memerangi gejala buli adalah selari dengan prinsip Syariah (Ahmad Azam Mohd Shariff, 2021).

Oleh itu, harapan terhadap intervensi kaunseling dan bimbingan samada individu atau berkelompok dapat membimbing hidup remaja terutamanya dari segi bekerjasama atau at Taa'wun dengan mewujudkan kerjasama antara ahli kelompok untuk mencapai matlamat bersama. seperti yang dijelaskan dalam Firman Allah: "... dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan takwa" (surah Al-Maidah ayat 2), begitu juga dari hikmah, mau i'dzah, hasanah dan mujadalah iaitu perbincangan bersama ahli kelompok dengan

cara yang penuh hikmah dan kebijaksanaan. Sekiranya wujud perbahasan (mujadalah) dalam sesi berbincanglah dengan cara yang baik seperti firman Allah SWT: “*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah, kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baikdan berbincanglah dengan mereka dengan cara yang lebih baik*” (surah An-Nahl ayat 125) . Begitu juga intervensi secara individu di mana klien dapat meluahkan masalah bersemuka dengan kaunselor atau pembimbing .

RUMUSAN

Intervensi kaunseling dalam perkembangan psikologi remaja adalah suatu keperluan yang perlu dilakukan dengan membantu remaja melalui masa remaja yang penuh cabaran dan sentiasa dalam pergolakan jiwa. Jiwa remaja yang berada dalam fasa perkembangan psikologi yang melibatkan emosi dan kognitif berhadapan dengan berbagai tuntutan dan keinginan dan kadang-kadang remaja perlu membuat pilihan pula. Dalam hal ini, intervensi kaunseling secara individu mahupun kelompok boleh memandu remaja untuk membuat pilihan yang bersesuaian dengan kehendak dan kemampuan remaja itu sendiri. Sementara bagi remaja Muslim, intervensi kaunseling boleh membantu remaja memilih jalan yang sesuai dengan kehendak agama. Dalam segala hal, kaunselor dan pembimbing perlu mempunyai ilmu yang luas dalam berbagai bidang kehidupan untuk berhadapan dengan remaja yang terdedah dengan perkara-perkara yang tidak bersesuaian dengan perjalanan hidup seperti budaya melepak sampai ke pagi, kes buli di sekolah, media elektronik, media massa dan sebagainya lagi. Berhadapan dengan perkara-perkara yang mencabar ini, menuntut kaunselor dan pembimbing mempunyai kesabaran dan keikhlasan dalam menjalankan tugas. Seperti yang telah dijelaskan oleh Profesor Emeritus Dato’Dr. Amir Awang K.B.P.A. bahawa dengan intervensi kaunseling dapat mencegah sebelum berlakunya masalah yang merencatkan perkembangan manusia dan mengembangkan potensi manusia yang dianugerah oleh Allah bagi mencapai perkembangan optimum. Dengan intervensi kaunseling juga dapat memulih apa jua keadaan yang melemah atau merencatkan perkembangan manusia, malah dapat meleraikan krisis bila berhadapan dengan keadaan yang berlaku secara tiba-tiba tanpa “*coping behaviour*”.

RUJUKAN

- Ahmad Azam Mohd Shariff. (2021). Buli di Malaysia: Permasalahan dan Penyelesaiannya dari Perspektif Syariah. *Research Gate*, 3 - 13. doi:DOI: 10.17576/juum-2021-29-01
- Alfaiz Hengki Yandri2. (2019). Pendekatan Tazkiyatun An-Nafs untuk membantu mengurangi. *Counsellia: Jurnal Bimbingan dan Konseling*, 9 No.1, 65- 78. doi:DOI: 10.25273/counsellia.v9i1.4300
- Ali, F. B. (2007). Masalah Sosial Pelajar. *Jurnal Usuluddin*, 145-154.
- Diananda, A. (2018). Psikologi Remaja Dan Permasalahannya. *Istighna, Vol. 1, No 1*,. Retrieved from <http://e-journal.stit-islamic-village.ac.id/index.php/istighna>
- Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2013). Salah Laku Remaja Dan Asas Penyelesaiannya. Kuala Terengganu. Retrieved from <http://eprints.um.edu.my/id/eprint/13070>
- Mohamad Khairi Hj Othman Asmawati Suhid & Samsilah Roslan. ((Jun) 2015). Penghayatan Nilai Murni dalam kalangan Pelajar Sekolah. *Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 18*., 1–20.
- Nur Dayana Dalila Al Helmi Affendi, Nurul Fazzuan Khalid & Siti Mastura Baharudin. (n.d.). Kesan Teknik Tazkiyatun An-Nafs Untuk Menangani. *Journal Social Sciences And Humanities, Vol. 18. No.10 (2021)*. . ISSN: 1823-884x, 94-106.
- Rahim, R. N. (18, @ 3:01pm Februari, 2019). *10,154 kes disiplin babit pelajar tahun lalu*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/02/532222/10154-kes-disiplin-babit-pelajar-tahun-Lalu: bhnews@bh.com.my>

- Ridzuan Masri Arman Ahmad. ((2018)). Teori Maslow Dalam Konteks Memenuhi. *Jurnal Hadhari 10 (1)*, 1-27. Retrieved from ejournals.ukm.my/jhadhari
- Syazwana Aziz Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni. (2019). Tingkah Laku Devian Dalam Kalangan Remaja Di Semenanjung . *Jurnal Sains Sosial Jilid. 4 (1)* , 93-101.